



Prof Mohd Harun dan Henrich bertukar dokumen MoU.

UMS, University of Hamburg jalin kerjasama

BH 03-01-2012 V7

Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan University of Hamburg, Jerman menandatangani memorandum persefahaman baru-baru ini.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, berkata skop persefahaman tertumpu kepada pertukaran ahli akademik, penyelidik dan pelajar pada peringkat prasiswazah mahu pun pascasiswazah.

Anjur persidangan

Katanya, kerjasama dalam penyelidikan dan penganjuran persidangan peringkat antarabangsa turut menjadi agenda utama dalam MoU yang ditandatangani

di universiti terkemuka Jerman itu.

Pada majlis itu, UMS diwakili Pendaftar, Datuk Abdullah Mohd Said manakala University of Hamburg diwakili oleh Dekan Fakulti Matematik, Informatik dan Sains Tabii, Prof Dr Henrich Graener dan Timbalan Dekan, Hal Ehwal Antarabangsa, Prof Dr Ing Ingenuin Gasser.

Henrich dalam ucapannya berkata, UMS berjaya membuktikan kemampuan sebelum ini dengan menyelia seorang mahasiswa University of Hamburg sehingga menamatkan pengajian dalam bidang perhutanan.

“

KITA JUGA
SEDANG
MEMIKIRKAN
PERTUKARAN
MAHASISWA
UNIVERSITI INI
DENGAN UMS”

**Prof Mohd Harun
Abdullah**

Pengajian di UMS

“Kita juga sedang memikirkan pertukaran mahasiswa universiti ini dengan UMS.

“Melalui sistem ini, mahasiswa University of Hamburg mengikuti pengajian selama tiga tahun di universiti ini sebelum menamatkan baki setahun lagi di UMS,” katanya.

MoU kali ini adalah lanjutan daripada memorandum yang ditandatangani pada 2008.